

**TEKS PERGULUNGAN  
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022  
PENGAL PERTAMA**

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Selamat sejahtera dan salam kita bersidang

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

1. Terlebih dahulu saya ingin melahirkan rasa syukur dan terima kasih kerana diberi kepercayaan untuk menggalas tanggungjawab sebagai Exco Alam Sekitar dan menyampaikan ucapan penggulungan bagi isu-isu berkaitan portfolio ini yang telah dibahaskan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.
2. Dengan penuh keyakinan, saya percaya prestasi ekonomi Kerajaan Negeri akan kembali kukuh dan akan menunjukkan perkembangan positif selaras dengan perkembangan negara kita yang telah memasuki fasa endemik bermula 1 April 2022 yang lalu

**ALAM SEKITAR**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

3. Sesungguhnya kita semua sedar, isu-isu alam sekitar semakin hari semakin mencabar dan usaha-usaha untuk menanganinya memerlukan kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak. Masalah alam sekitar seperti pencemaran udara, pencemaran air, pembuangan sisa pepejal dan toksik, penebangan hutan secara haram, pengurangan sumber semula jadi dan sebagainya, telah mengakibatkan berlakunya ketidakseimbangan kepada alam sekitar. Tragedi tanah runtuh, banjir kilat, pencemaran udara, air dan darat, pemanasan global dan sebagainya adalah kesan ketidakstabilan ekosistem yang berpunca daripada perubahan iklim. Isu-isu alam sekitar tersebut merupakan antara cabaran-cabaran yang perlu dihadapi dan ditangani oleh kita semua.

## ISU MENGATASI MASALAH KESERSIHAN ALAM SEKITAR

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

4. Sebagai maklumam kepada YB ADUN Permatang Berangan, Kerajaan Negeri telah menggalakkan kehijauan negeri dan mempertingkatkan Sustainable Development Goals (SDG). Kimia yang digunakan boleh dipecahkan kepada dua kumpulan untuk makanan dan untuk perindustrian.

5. Untuk makanan, senarai adalah dalam kawalan kesihatan dan untuk perindustrian, pula dikawal oleh Department of Occupational Safety and Health (DOSH).

6. Semua sisa kimia dalam senarai barangan terjadual mengikut senarai dan kod oleh KASA akan dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Semua barangan terjadual mesti dapat kebenaran JAS dan hanya boleh dilupus di Secured Landfill yang diuruskan dan diperkhidmat oleh Kualiti Alam di Bukit Nanas, Negeri Sembilan

## KEBAJIKAN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Dewan sekalian,

7. Sekarang kita beralih kepada portfolio kedua yang telah diamanahkan kepada saya iaitu portfolio kebajikan. Sebagai Kerajaan Negeri yang mementingkan kebajikan rakyat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dan ditambahbaik sesuai dengan situasi semasa.

## PROGRAM MUTIARA FOODBANK

8. Pada tahun 2017, program Mutiara Foodbank hanya berbentuk pilot project kolaborasi bersama Food Aid Foundation. Berikutan impak dan prestasi yang membanggakan, Mutiara Foodbank telah diiktiraf sebagai "role model" untuk Program Foodbank Malaysia (KPDNHEP), Yayasan Foodbank Malaysia, Kerajaan Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Perlis serta Badan Bukan Kerajaan (NGO).

9. Sejak diperkenalkan pada tahun 2017 sehingga Mac 2022, sebanyak 1,259 tan (1,259,000kg) makanan telah berjaya diselamatkan dan diagihkan kepada 74,689 orang penerima manfaat. Selain itu, Unit Mutiara Foodbank juga telah menerima barangan kering daripada pelbagai pihak sejak bermulanya pandemik COVID-19 pada Mac 2020 sehingga kini berjumlah RM262,670.00 yang memberi manfaat kepada 40,977 orang penerima yang memerlukan.

10. Mutiara Foodbank adalah "frontliners" Kerajaan Negeri untuk memberi sumbangan kepada mangsa-mangsa COVID-19 serta keluarga yang menghadapi masalah kekurangan makanan akibat penutupan aktiviti perniagaan.

## JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri,

11. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab beberapa isu berkaitan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang dibangkitkan sepanjang sidang DUN pada kali ini.

12. Kerajaan Negeri telah mula aktiviti bantuan cari kerja kepada Program Pembasmian Kemiskinan. Kebanyakan yang ditarafkan oleh orang ramai sebagai gelandangan boleh diasingkan mengikut kumpulan active dan productive dengan non-productive.

13. Terdapat banyak dari luar negeri bekerja tetapi tidak dapat sewa bilik dan bermalam di rata-rata tempat khasnya di Komtar, Citytel, Tokong Cina dan sebagainya sepertimana yang dikatakan oleh YB ADUN Sungai Acheh. Ini adalah kumpulan active dan productive. Untuk kumpulan ini, Kerajaan Negeri telah dibantu oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang menawarkan bilik-bilik di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai.

14. Untuk kumpulan non-productive, mereka telah diselamat dan terletak di pusat jagaan. Masih ada satu lagi kumpulan khasnya di Perhentian Bas Komtar adalah warga emas yang mempunyai keluarga. Mereka hanya lepak di sana waktu siang hari kerana terdapat banyak NGO yang mengagihkan makanan kepada mereka. Keadaan ini sentiasa diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

15. Berkaitan dengan isu golongan gelandangan yang mengutip kos parkir secara haram yang dibangkitkan oleh YB ADUN Bertam, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan pasukan khas bagi memantau kegiatan penjaga parkir haram di 20 kawasan "panas" di bahagian pulau dan tiga di Seberang Perai.

16. Pasukan khas Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MBSP) akan memantau serta membuat laporan polis dengan gambar sekiranya penjaga parkir haram bertindak agresif terhadap orang awam yang enggan membayar wang

20 kawasan "panas" yang dikenal pasti termasuk

- Lorong Selamat
- Padang Kota Lama/Lebuh Duke
- Jalan Datuk Keramat
- Jalan Penang
- Lebuh Chulia
- Jalan Burmah
- Jalan Macalister

- Bayu Senja di Batu Ferringhi
- Lorong Abu Siti
- Jalan Pasar di Bukit Mertajam
- Sekitar kawasan Megamall Perai

17. Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh YB ADUN Bertam mengenai Projek Tambakan Laut, sememangnya pihak pemaju telah memberikan pampasan sebanyak RM15,000 kepada masyarakat nelayan. Ini adalah persetujuan antara masyarakat nelayan dengan pihak pemaju. Sepatutnya isu ini sudah selesai antara dua pihak yang terlibat dan tidak harus dibangkitkan lagi. Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri masih dalam proses mengendalikan Projek PSR di kawasan selatan pulau.

#### PROGRAM i-SEJAHTERA

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

18. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil penting dan prihatin kepada kbajikan warga emas kita. Pelbagai program kebajikan seperti Program i-Sejahtera telah pun dilaksanakan seawal tahun 2010 yang berperanan sebagai satu sumbangan penghargaan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang yang berbilang agama, kaum dan latar belakang sosioekonomi.

19. Di bawah program kebajikan i-Sejahtera, termasuklah Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan Ibu Tunggal, Program Suri Emas, Program Bantuan OKU, Program Anak Emas dan Program Bantuan Teksi dan Bas Sekolah.

20. Tidak boleh kita menafikan bahawa penuaan penduduk adalah fenomena abad ke-21. Penuaan penduduk merupakan fenomena yang belum pernah dialami oleh tamadun manusia. Penuaan penduduk berlaku apabila peratusan penduduk warga emas berumur 60 tahun dan ke atas mencecah 15% daripada jumlah penduduk. Berikutan dengan transisi demografi kedua yang dialami berlaku dalam konteks perkembangan teknologi perubahan yang canggih, bilangan peratusan warga emas dijangka berganda dalam masa 28 tahun.

21. Pada kesempatan ini, saya ingin memberi maklum balas ke atas cadangan YB ADUN Sungai Acheh yang mencadangkan agar Kerajaan Negeri mempertimbangkan kebajikan warga emas terutamanya kepada mereka yang telah bersara, tinggal berseorangan ataupun bujang di bawah Program i-Sejahtera.

22. Berkaitannya, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Kajian Semula Program Kebajikan Kerajaan Negeri bagi mengkaji pelaksana program-program kebajikan di Pulau Pinang termasuk Program i-Sejahtera.

23. Setakat ini, Kerajaan Negeri secara dasar akan meneruskan Program i-Sejahtera iaitu sumbangan setahun sekali sebagai tanda penghargaan kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang. Sepertimana YB sedia maklum juga, program Penghargaan Warga Emas dan Program Bantuan OKU khususnya diperkenalkan dengan jumlah sumbangan sebanyak RM100.00 setahun dan kemudian telah dinaikkan ke RM130.00 setahun. Berikutan sambutan yang amat menggalakkan daripada rakyat negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah menyatakan hasrat dalam manifesto Pilihanraya Umum Ke-14 untuk meningkatkan lagi kadar bantuan tahunan bagi kedua-dua program ini.

24. Sepertimana dijanjikan, kadar sumbangan telah dinaikkan secara berperingkat. Bermula pada tahun 2020, kadar sumbangan telah dinaikkan ke RM150.00 setahun dan kini Kerajaan Negeri akan menaikkan lagi kadar sumbangan ke RM200.00 setahun.

#### PUSAT TRANSIT GELANDANGAN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

25. Di kesempatan ini juga, saya ingin memaklumkan berkenaan dengan status Pembinaan Pusat Transit Gelandangan di Jalan C. Y. Choy. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM4.4 juta bagi membina Pusat Transit Gelandangan di Jalan C. Y. Choy. Status terkini pembangunan Pusat Transit Gelandangan di Jalan C. Y. Choy adalah 86%. Pembangunan Pusat Transit ini dijangka akan siap pada Jun 2022. Kerajaan Negeri bersama pihak JKM dan pelbagai agensi sedang giat dalam perancangan untuk menyusun pengoperasian. Pusat Transit ini di mana akan memberi manfaat kepada golongan gelandangan khususnya termasuk golongan warga emas melalui program Empowering The Street Citizens oleh JKM dengan kerjasama pelbagai NGO dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

26. Saya sedar bahawa bilangan golongan gelandangan kian meningkat, sedemikian itu Kerajaan Negeri sememangnya mengetahui hal ini dan isu ini telah pun masuk ke peringkat jawatankuasa dan akan menyelesaikan isu ini dalam masa terdekat.

#### PENUTUP

27. Menutupi ucapan penggulungan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak termasuk jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan, Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta komuniti dan institusi-institusi swasta yang telah membantu Kerajaan Negeri untuk melaksanakan program-program alam sekitar dan kebajikan demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Negeri Pulau Pinang.

28. Letaklah mana-mana fahaman politik di tepi dan berdiri teguhlah bersama-sama Kerajaan Negeri kerana isu alam sekitar dan kebajikan bukanlah isu politik tetapi isu kemanusiaan dan tanggungjawab setiap individu dalam kalangan kita semua.

29. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan mengemukakan isu-isu. Perkara-perkara yang telah dibangkitkan akan menjadi pemangkin untuk saya bekerja dengan lebih keras dan gigih bagi memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan melalui portfolio ini.

Yang Berhormat Dato' Tuan Yang di-Pertua,

30. Akhir kata, di dalam fasa endemik COVID-19 ini, saya ingin menyeru kepada semua rakyat Pulau Pinang supaya sentiasa menjaga keselamatan masing-masing.

Sekian, salam hormat dan salam untuk “terus menyokong”

**Tan Yi Ting**

**N07 Sungai Puyu**

**Sidang Muda 2022 Penggal Pertama**

